

SULIT

1

2556/2

2556/2
Tasawwur
Islam
Kertas 2
Ogos/Sept.
2008
2 1/2 jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan .
2. **Soalan 1 wajib dijawab dan** pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.
3. *Calon perlu menjawab lima soalan sahaja.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada dalam kertas yang disediakan.*

© 2008 Hak Cipta SPPIM, JPN Perak

Kertas Soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

5226/2

{Lihat sebelah
SULIT

Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain

- 1 (a) Fitrah ketuhanan sememangnya wujud dalam diri setiap manusia.
 (i) Nyatakan **dua** contoh fitrah beragama. [2 markah]
- (b) Terangkan **dua** perbezaan antara Karamah dengan Istidraj. [4 markah]
- (c) Akal manusia tidak mampu menandingi wahyu.
 Terangkan **dua** kelemahan akal. [4 markah]
- (d) Fahaman Sekularisme adalah bercanggah dengan ajaran Islam.
 (i) Apakah maksud Sekularisme ? [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** konsep fahaman tersebut. [4 markah]
 (iii) Terangkan **dua** cara mengatasi pengaruh Sekularisme di kalangan masyarakat Muslim. [4 markah]
- 2 (a) (i) Terangkan **dua** ciri keunggulan al Quran. [4 markah]
 (ii) Huraikan **dua** hujah yang menunjukkan al Quran sebagai kitab terakhir diturunkan. [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** kesan beramal dengan ilmu tanpa berpandukan Al Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. [6 markah]
- (c) Fahaman Anti Hadis bertentangan sama sekali dengan kesucian Islam.
 (i) Terangkan **maksud** Fahaman Anti Hadis. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** kesan Fahaman Anti Hadis [4 markah]
- 3 (a) Syumuliyah merupakan salah satu daripada ciri Agama Islam
 (i) Terangkan maksud Syumuliyah [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** prinsip Syumuliyah di dalam perundangan [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **empat** ciri pemimpin yang berkarisma [4 markah]
 (ii) Terangkan dua tanggungjawab rakyat terhadap negara [4 markah]
- (c) Jelaskan **tiga** cara manusia melahirkan rasa tanggungjawab seseorang terhadap keluarga. [6 markah]
- 4 (a) (i) Terangkan **dua** keburukan pencerobohan harta terhadap negara. [4 markah]
 (ii) Jelaskan **tiga** langkah mengatasi pencerobohan harta menurut Islam. [6 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah terhadap hasil kerja. [4 markah]
 (ii) Terangkan **tiga** langkah mempertingkatkan kualiti kerja dalam Islam [6 markah]

- 5 (a) Islam mengharuskan muamalah untuk kepentingan hidup manusia.
- (i) Nyatakan pengertian istilah muamalah berikut
 - Mudharabah [2 markah]
 - Al Rahn [2 markah]
 - (ii) Terangkan **tiga** kesan pengabaian muamalah Islam terhadap individu. [6 markah]
- (b) Islam menetapkan hukum terhadap setiap amalan di dalam kehidupan.
- (i) Jelaskan **tiga** perbezaan antara hukum makruh dan haram. [6 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** keunggulan Perundangan Islam. [4 markah]
- 6 (a) Ibadah dalam Islam merangkumi semua perbuatan yang mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.
- (i) Terangkan **dua** ciri kesempurnaan ibadah di dalam Islam. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **tiga** kesan melakukan ibadah tanpa berpandukan syariat. [6 markah]
- (b) Islam membenarkan pembubaran perkahwinan sebagai langkah terakhir bagi menyelesaikan masalah rumah tangga
- (i) Terangkan **dua** hikmah Islam mengharuskan perceraian. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **tiga** punca keruntuhan rumah tangga. [6 markah]
- 7.(a) Gejala "*Mat Rempit*" menjadi isu yang diperkatakan oleh masyarakat. Cadangkan **tiga** cara menangani isu tersebut menurut perspektif Islam. [6 markah]
- (b) Jelaskan **dua** punca berlakunya "*kegiatan buli*" di sekolah. [4 markah]
- (c) Penyelesaian masalah yang berpandukan ajaran Islam akan menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat
- (i) Huraikan **tiga** kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam [6 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** amalan yang tepat dan sesuai bagi menyelesaikan sesuatu masalah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT